

Mengetahui Tentang Telefon Anda



Philips sentiasa berusaha untuk memperbaiki produknya. Oleh itu, Philips mempunyai hak untuk menyemak semula panduan pengguna ini atau menariknya balik pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Philips menyediakan panduan pengguna ini “seperti sedia ada” dan tidak menerima,

kecuali seperti yang dikehendaki oleh undang-undang yang diguna pakai, dan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan, yang tidak dimasukkan atau percanggahan di antara panduan pengguna dan produk ini seperti yang di terangkan. Alat ini adalah bertujuan untuk disambungkan kepada rangkaian GSM/GPRS.

Bagaimana hendak ...

Menghidupkan/ mematikan telefon	Tekan lama  .
Simpan nombor dalam Buku Telefon	Masukkan nombor telefon dan tekan  untuk simpan.
Buat panggilan	Masukkan nombor telefon menggunakan pad kekunci dan tekan  untuk mendail.
Menjawab panggilan	Tekan  bila telefon anda berbunyi.
Menamatkan panggilan	Tekan  .

Menolak panggilan	Tekan  bila telefon anda berbunyi.
Melaraskan kelantangan set telinga telefon	Tekan  atau  semasa panggilan.
Akses <i>Buku Telefon</i>	Tekan  dalam mod melahu.
Akses menu utama	Tekan  dalam mod melahu.
Bertukar kepada mod senyap	Tekan lama  masukkan mod melahu untuk togol antara mod mesyuarat dan mod biasa.
Kembali ke mod sebelumnya	Tekan  .
Kembali segera ke mod melahu	Tekan  .

Kekunci Left/Right (Kiri/Kanan)

Tekan kekunci lembut kiri dan kanan  dan  yang terletak di bahagian atas pad kekunci untuk menjalankan fungsi yang dipaparkan di bahagian bawah skrin.

Menu Utama

<p><i>Kenalan</i></p>  <p>halaman 14</p>	<p><i>Mesej</i></p>  <p>halaman 17</p>	<p><i>Maklumat Panggilan</i></p>  <p>halaman 21</p>
<p><i>Tetapan</i></p>  <p>halaman 22</p>	<p><i>Sekuriti</i></p>  <p>halaman 25</p>	<p><i>Bunyi</i></p>  <p>halaman 27</p>
<p><i>Paparan</i></p>  <p>halaman 28</p>	<p><i>Alatan</i></p>  <p>halaman 29</p>	<p><i>Aplikasi STK</i></p>  <p>halaman 30</p>

Kandungan

1. Bermula	4	Dail Cepat	14
Masukkan kad SIM	4	Memadamkan kenalan	15
Menghidupkan telefon	5	Kumpulan	15
Menukar bateri	6	Nombor Dail Perkhidmatan	15
2. Memanggil	7	Dail Tetap	15
Membuat panggilan	7	Tetapan	15
Membuat panggilan Kecemasan	7	Status Ingatan	16
Menjawab dan menamatkan panggilan	7	5. Mesej	17
Pilihan semasa panggilan	8	SMS	17
Melaraskan kelantangan set telinga telefon	8	6. Maklumat Panggilan	21
Mengendalikan berbilang panggilan	8	Panggilan masuk	21
3. Masukkan teks atau nombor	10	Panggilan keluar	21
Kaedah input	10	Panggilan tak dijawab	21
Kekunci fungsi	10	Tempoh panggilan	21
Input berbilang tap ABC/Abc/abc	10	7. Tetapan	22
T9® input teks	11	Tetapan Telefon	22
Input Tulisan China Mudah	11	Tetapan Panggilan	22
(China & Hong Kong sahaja)	13	Tetapan Rangkaian	23
Input simbol	13	Tetapan Kilang	24
4. Kenalan	14	8. Sekuriti	25
Cari kenalan	14	9. Bunyi	27
Buat kenalan baru	14		

10. Paparan	28
Paparan Melahu	28
Kontras	28
Lampu Latar LCD	28
11. Alatan	29
Penggera	29
Kalkulator	29
Kalendar	29
12. Aplikasi STK	30
Ikon & simbol	31
Langkah beringat-ingat	32
Menyelesai Masalah	37
Aksesori Tulen Philips	39
Pengakuan Tanda Dagangan	40
Maklumat SAR - Antarabangsa (ICNIRP)	41
Waranti terhadap	42
Pengakuan keakuratan	46

I. Bermula

Sila baca arahan keselamatan dalam bahagian “Langkah berjaga-jaga” sebelum menggunakan telefon anda.

Untuk menggunakan telefon anda, anda mesti masukkan kad SIM yang sah, yang dibekalkan oleh operator atau peruncit GSM anda. Kad SIM tersebut mengandungi maklumat langganan anda, nombor telefon mudah alih anda dan ingatan di mana anda boleh menyimpan nombor telefon dan mesej.

Masukkan kad SIM

Ikut langkah-langkah di bawah untuk memasukkan kad SIM baru anda. Ingat untuk mematikan telefon mudah alih anda sebelum membuka penutup belakang dan bateri.

Buka penutup belakang

Untuk memasukkan kad SIM, anda mesti membuka penutup belakang terlebih dahulu. Tekan penutup belakang menggunakan ibu jari anda dan sisipkan penutup ke arah bawah. Kemudian gunakan tangan anda untuk membuka penutup ruang bateri seperti yang ditunjukkan di bawah.



Tanggalkan bateri

Untuk menanggalkan bateri, keluarkan bateri dari bahagian bawah seperti yang ditunjukkan di bawah.



Masukkan kad SIM

Pastikan penjuru kad SIM yang dipotong menghadap arah yang betul dan sentuhan logam menghadap ke arah bawah. Sisipkan kad SIM ke dalam alur kad SIM sehingga ia berhenti.



Menggantikan bateri

Sisipkan semula bateri ke dalam alurnya, dengan sentuhan keemasan menghadap ke arah bawah sehingga ia berhenti. Kemudian kunci ia dengan menolaknya ke arah bawah.



Mengganti penutup belakang

Gantikan penutup belakang dengan menyisipkannya ke atas ke dalam alurnya, sehingga ia berhenti.



Tanggalkan lapisan pelindung yang menutup skrin sebelum menggunakan telefon.

Menghidupkan telefon

Untuk menghidupkan telefon, tekan lama kekunci . Masukkan kod PIN jika diperlukan. Ia dikonfigurasi terlebih dahulu dan disampaikan kepada anda oleh operator atau peruncit anda. Untuk maklumat lanjut mengenai kod PIN, lihat “Sekuriti”.

Jika anda masukkan kod PIN yang salah sebanyak tiga kali berturut-turut, kad SIM anda akan dikunci. Untuk membuka kuncinya, anda mesti memperoleh kod PUK daripada operator rangkaian anda.

Menukar bateri

Telefon anda dikuasakan oleh bateri boleh cas semula. Bateri baru adalah dicas separuh dan penggera akan memberikan anda amaran apabila paras bateri adalah rendah. Jika bateri kosong, ia perlu dicas semula selama 2 atau 3 minit sebelum penunjuk simbol bateri menyala. Palamkan pengecas kepada penyambung pengecas di bahagian atas sebelah kiri telefon seperti yang ditunjukkan di bawah. Kemudian palamkan hujung pengecas yang satu lagi kepada soket kuasa AC.

Simbol bateri menunjukkan kedudukan cas. Penunjuk cas akan bergerak apabila bateri sedang dicas. Bateri telah dicas sepenuhnya apabila penunjuk cas berhenti bergerak. Kemudian, anda boleh menanggalkan pengecas.



Membiarkan pengecas dipalamkan kepada telefon mudah alih setelah bateri dicas sepenuhnya tidak akan merosakkan bateri tersebut. Satu-satunya cara untuk menanggalkan pengecas adalah dengan menanggalkan palam tersebut, jadi gunakan soket kuasa AC yang mudah ditanggalkan. Jika anda tidak menggunakan telefon anda dalam satu tempoh masa, kami cadangkan agar anda tanggalkan bateri tersebut.

Anda boleh menggunakan telefon anda semasa ia sedang dicas. Setelah bateri ternyahcas sepenuhnya, penunjuk cas akan kelihatan hanya selepas beberapa minit mula dicas.

2. Memanggil

Membuat panggilan

Dari skrin melahu

1. Dalam mod melahu, masukkan nombor telefon menggunakan pad kekunci. Untuk membetulkan ralat, tekan .
2. Tekan  untuk mendail nombor.
3. Tekan  untuk menamatkan panggilan.

Untuk membuat panggilan antarabangsa, tekan lama  untuk memasukkan kod antarabangsa bagi negara yang dikehendaki selepas simbol “+”.

Menggunakan buku telefon

1. Tekan  dalam kod melahu.
2. Pilih kenalan daripada senarai dan tekan  untuk mendail nombor yang dipilih. Untuk memilih nombor yang berlainan, tekan  atau  (lihat “Kenalan” untuk maklumat lanjut).
3. Tekan  untuk menamatkan panggilan.

Membuat panggilan Kecemasan

Tanpa kad SIM di dalam telefon, anda boleh tekan  (SOS) untuk mendail panggilan kecemasan.

Dengan kad SIM di dalam telefon, anda boleh masukkan nombor kecemasan dalam mod melahu, kemudian tekan .

Di Eropah, nombor kecemasan standard ialah 112, di UK ialah 999.

Menjawab dan menamatkan panggilan

Apabila ada panggilan masuk, nombor telefon pemanggil mungkin terpapar jika pemanggil telah memilih untuk memaparkan pengenalannya. Jika nombor tersebut disimpan dalam buku telefon, nama yang sepadan akan terpapar dan bukannya nombor.

- Untuk menjawab panggilan: tekan  atau 
Terima.
- Untuk menolak panggilan: tekan  atau 
Tolak.
- Untuk menamatkan panggilan: tekan .

Telefon tidak akan berbunyi apabila ia dalam mod senyap.

Jika anda telah mengaktifkan *Jawab Sebarang Kekunci* dalam *Tetapan Telefon > Mod Jawab*, anda boleh menjawab panggilan dengan menekan sebarang kekunci, kecuali  dan .

Pilihan semasa panggilan

Semasa panggilan, tekan  untuk mengaktifkan mod *Bebas Tangan* atau *Opsyen*  untuk mengakses pilihan yang berikut:

- *Miutkan* panggilan
- Letakkan panggilan pada *Menunggu*
- *Tamatkan panggilan*
- Akses *Menu Utama*

Melaraskan kelantangan set telinga telefon

Semasa panggilan, tekan kekunci navigasi  atau  untuk menambah atau mengurangkan kelantangan.

Mengendalikan berbilang panggilan

Anda boleh mengendalikan dua atau lebih banyak panggilan pada masa yang sama, serta membuat panggilan persidangan menggunakan telefon anda. Kewujudan ciri-ciri ini adalah bergantung kepada operator rangkaian dan/atau langganan anda.

Membuat panggilan kedua

Anda boleh membuat panggilan kedua ketika terdapat panggilan yang aktif atau dalam keadaan panggilan menunggu. Ketika sedang bercakap, dail nombor (atau pilih kenalan daripada buku telefon)

dan tekan . Panggilan pertama diletakkan dalam keadaan menunggu dan nombor kedua didail. Kemudian anda boleh tekan  *Tukar* untuk togol di antara 2 panggilan atau  untuk akses pilihan yang berikut:

- *Miutkan* panggilan
- *Panggilan Persidangan* untuk memperkenalkan pemanggil ke panggilan persidangan
- *Tamatkan Semua* untuk menamatkan semua panggilan semasa
- Akses *Menu Utama*

Bagi membolehkan menerima panggilan kedua, anda perlu melumpuhkan Ubah Hala Panggilan (lihat halaman 22) dan membolehkan Panggilan menunggu (lihat fungsi halaman 23).

Menjawab panggilan kedua

Apabila anda menerima panggilan kedua ketika sedang berhubung, telefon akan mengeluarkan nada bip dan maklumat mengenai panggilan yang masuk dipaparkan pada skrin. Kemudian anda boleh:

Tekan  atau  *Terima* Untuk menjawab panggilan (yang pertama diletakkan sebagai menunggu).

Tekan  atau
 *Tolak*

Untuk menolak panggilan.

Tekan 
Opsyen

Untuk mengakses senarai pilihan.
Anda boleh pilih untuk:

- *Miutkan* panggilan
- *Panggilan Persidangan* untuk memperkenalkan pemanggil ke panggilan persidangan
- *Tamatkan Semua* untuk menamatkan semua panggilan semasa
- Akses *Menu Utama*.

3. Masukkan teks atau nombor

Kaedah input

Telefon anda menyokong 6 jenis kaedah input:

Berbilang tap ABC/Abc/abc

T9 Bahasa Inggeris

T9 Bahasa PinYin

Tulisan China Mudah

Angka

Simbol

Semasa menyunting teks, tekan seketika  untuk bertukar antara kaedah input berlainan. Bar status di bahagian atas skrin akan memaparkan kaedah input semasa. ,  dan  mewakili input T9 Bahasa Inggeris tap-Berbilang huruf besar, tap-Berbilang Pintar dan tap-Berbilang huruf kecil,  mewakili T9 Bahasa Inggeris. Untuk togol antara  huruf kecil, Pintar  dan  huruf besar, tekan   mewakili input angka.

Untuk beralih antara bahasa, semasa menyunting teks, tekan  OK dan pilih bahasa di dalam menu *Opsyen*.

Kekunci fungsi

-  Memadam huruf di bahagian kiri kursor atau keluar dari mod menyunting.
-  Gerakkan kursor, pilih huruf, perkataan atau simbol daripada senarai, atau tatal ke bawah senarai tersebut.
-  Kembali ke mod melahu.
-  Pilih perkataan yang diserlahkan daripada senarai atau masukkan menu *Opsyen*.
-  Masukkan simbol.
-  Tukar mod input.

Input berbilang tap ABC/Abc/abc

1. Tekan sekali kekunci angka ( hingga ) untuk memasukkan huruf pertama pada kekunci, tekan dua kali untuk memasukkan huruf kedua pada kekunci, dan seterusnya. Jika huruf yang anda hendak masukkan dan huruf yang anda baru masukkan adalah pada kekunci yang sama, cuma tunggu untuk beberapa saat sehingga kursor kelihatan semula.
2. Tekan  untuk memadamkan aksara yang berada di sebelah kiri kursor.

Contoh: bagaimana hendak memasukkan perkataan "home":

Tekan **4_{mod}**, **4_{mod}** (GH) **6_{mod}**, **6_{mod}**, **6_{mod}** (MNO), **6_{mod}** (MNO), **3_{mod}**, **3_{mod}** (DEF). Tekan **OK** apabila mesej telah lengkap.

*Anda boleh tekan kekunci **0+_{mod}** untuk memasukkan ruang dalam mod input Berbilang tap ABC/abc.*

Huruf yang terletak pada setiap kekunci ialah seperti berikut:

Kekunci	Aksara dalam urutan dipaparkan
1_{mod}	, . ? ! @ 1
2_{mod}	a b c 2 å æ ä à ç á
3_{mod}	d e f 3 è é
4_{mod}	g h i 4 ì í
5_{mod}	j k l 5 £
6_{mod}	m n o 6 ö ø ò ñ ó
7_{mod}	p q r s 7 ß \$
8_{mod}	t u v 8 ù ú û
9_{mod}	w x y z 9
0+_{mod}	␣ 0

T9[®] input teks



Tegic Euro. Pat.
App. 0842463

T9[®] Input Teks Ramalan ialah mod menyunting bijak untuk memasukkan teks pada telefon mudah alih. Ia membolehkan anda memasukkan teks dengan lebih cepat dengan meramal perkataan yang anda mahu masukkan berdasarkan kekunci yang anda telah tekan. Anda tekan sekali pada kekunci yang sepadan dengan setiap huruf yang diperlukan untuk mengeja perkataan dan T9[®] mencadangkan perkataan berdasarkan kekunci yang anda tekan. Jika terdapat beberapa perkataan, perkataan pertama di dalam senarai akan dipapar dan ditunjukkan. Tekan **▲/▼/↔** untuk menyemak imbas senarai dan tekan **OK** untuk memasukkan perkataan.

Input ABC/abc T9

Kaedah input T9 bahasa Inggeris menawarkan cara yang lebih cepat bagi anda untuk memasukkan perkataan bahasa Inggeris.

1. Anda hanya perlu menekan sekali pada kekunci angka (**2_{mod}** hingga **9_{mod}**) yang sepadan dengan setiap huruf yang diperlukan untuk mengeja perkataan. Setelah anda memasukkan huruf, perkataan yang dipaparkan di atas skrin akan dikemaskinikan dengan sewajarnya.

2. Tekan  untuk memadamkan kemasukkan teks yang berada di sebelah kiri kursor.
3. Gunakan kekunci navigasi untuk memilih perkataan yang diinginkan dan tekan  untuk memasukkannya.

Contoh: bagaimana hendak memasukkan perkataan "home":

1. Tekan , , , . Skrin memaparkan perkataan yang pertama dari senarai: *Good*.
2. Tekan  untuk tatal dan pilih *Home*.
3. Tekan  *OK* untuk mengesahkannya.

Input T9 bahasa PinYin (China & Hong Kong sahaja)

Ini ialah mod menyunting bijak yang bukan sahaja membolehkan anda menekan hanya sekali pada kekunci yang sepadan dengan setiap huruf yang diperlukan untuk membentuk aksara, tetapi ia juga dilengkapi dengan ciri-ciri input yang berkaitan. Kekunci yang ditekan dianalisis dan segala gabungan pinyin yang sesuai akan dipaparkan di bahagian bawah skrin.

Menggunakan kaedah T9 bahasa PinYin

1. Masukkan huruf pinyin sewajarnya. Tekan sekali pada kekunci yang sepadan dengan huruf pinyin tanpa perlu memikirkan kedudukannya pada

kekunci. Setelah anda memasukkan huruf menggunakan pad kekunci anda, gabungan pinyin yang terdapat pada skrin akan dikemaskinikan dengan sewajarnya.

2. Gunakan kekunci navigasi untuk memilih gabungan pinyin yang anda inginkan dan tekan  untuk memilih baris pilihan anda. Tekan  atau  untuk memilih aksara (aksara pinyin yang dipilih akan diserlahkan) dan tekan  untuk memasukkan aksara. Jika aksara yang diinginkan tidak terdapat pada senarai semasa, tekan  atau  untuk memeriksa senarai.
3. Masukkan aksara yang berkaitan: Sebaik sahaja anda telah memilih dan memasukkan aksara, senarai pilihan akan dikemaskinikan dan senarai aksara yang berkaitan akan dipaparkan. Gunakan kekunci navigasi untuk memilih aksara berkaitan yang diinginkan dan tekan  untuk mengesahkan masukan. Jika anda tidak perlu untuk memasukkan aksara yang berkaitan, hanya tekan  untuk keluar, atau terus masukkan huruf pinyin yang baru.

Input Tulisan China Mudah (China & Hong Kong sahaja)

Menggunakan kaedah input Tulisan

1. Masukkan tulisan: Masukkan tulisan aksara china menurut urutan tulisannya. Apabila anda menekan kekunci yang sepadan dengan tulisan yang diperlukan, tulisan itu akan dipaparkan pada skrin. Telefon akan memaparkan aksara pilihan yang sepadan dengan tulisan yang anda telah masukkan. Setelah anda memasukkan tulisan, aksara pilihan yang terdapat pada skrin akan dikemaskinikan dengan sewajarnya.
2. Masukkan aksara: Gunakan kekunci navigasi untuk memilih aksara china yang diperlukan daripada senarai pilihan. Tekan  untuk memasukkan aksara china dan tekan  untuk memadamkan tulisan yang anda telah masukkan.
3. Masukkan aksara yang berkaitan: Sebaik sahaja anda telah memilih dan memasukkan aksara, senarai pilihan akan dikemaskinikan dan senarai aksara yang berkaitan akan dipaparkan. Gunakan kekunci navigasi untuk memilih aksara berkaitan yang diingini dan tekan  untuk mengesahkan kemasukan. Jika anda tidak perlu

memasukkan aksara yang berkaitan, hanya tekan  untuk keluar, atau terus masukkan tulisan yang baru.

Input angka

1. Tekan kekunci angka ( hingga ) untuk memasukkan nombor yang sepadan dengan kekunci.
2. Untuk memadamkan nombor, tekan .

Input simbol

Tekan  untuk memasukkan tanda baca atau simbol. Gunakan kekunci navigasi untuk memilih tanda baca atau simbol yang diingini dan tekan  untuk memasukkannya.

4. Kenalan



Kenalan disimpan dalam satu daripada dua buku telefon yang tersedia: Buku telefon SIM (terletak pada kad SIM anda, yang mana jumlah nombor kenalan yang anda boleh simpan bergantung kepada keupayaan kad) atau Buku Telefon Pintar (terletak pada telefon anda, yang membolehkan anda menyimpan sehingga 100 nama). Apabila menambah kenalan baru, kenalan akan hanya ditambahkan kepada buku telefon yang anda telah pilih.

Cari kenalan

Masukkan *Kenalan* dalam menu utama dan pilih *Cari*. Pilih nama daripada senarai buku telefon. Tekan *Opsyen* untuk mengakses pilihan yang berikut:

Hantar SMS

Papar

Padam

Tambah ke Kumpulan

Salin

Buat kenalan baru

1. Mula-mula sekali anda boleh memilih tempat simpanan. Masukkan *Kenalan* dalam menu utama, pilih *Tetapan*, *Memori Digunakan* dan pilih untuk menyimpan kenalan dalam *SIM* atau *Telefon*.
2. Masukkan *Kenalan* dalam menu utama. Pilih *Buat*, masukkan nama kenalan, tekan *OK*, masukkan nombor dan tekan *OK*.

Dail Cepat

Ciri-ciri *Dail Cepat* membolehkan anda menetapkan nombor yang anda paling kerap dail. Kemudian anda boleh memanggil satu daripadanya dengan pantas dengan memilih kekunci yang sepadan.

Menetapkan kenalan Dail Cepat

Dalam menu utama, tekan *Kenalan* dan pilih *Dail Cepat*. Pilih nombor (dari 2-9) pada senarai untuk konfigurasi, tekan *OK* untuk *Tetapkan/Tukar*.

Memanggil kenalan Dail Cepat

Untuk membuat panggilan, tekan nombor yang sepadan yang berkaitan dengan kenalan apabila dalam mod melahu dan tekan .

Memadamkan kenalan

1. Masuk *Kenalan* dalam menu utama dan pilih *Padam Semua Nombor*.
2. Pilih *Padam Semua Nombor dalam Telefon* atau *Padam Semua Nombor dalam SIM*. Tekan *OK* untuk mengesahkan.
3. Bantu ingat pengesahan akan dipaparkan pada skrin. Pilih *Ya* untuk mengesahkan operasi atau pilih *Tidak* untuk membatalkan operasi.

Untuk memadam beberapa kenalan:

1. Masukkan *Kenalan* dalam mod melahu. Pilih nama kenalan, tekan *Opsyen*.
2. Pilih *Padam*.

Kumpulan

Menu ini membolehkan anda menyusun kenalan anda dalam kumpulan yang berbeza agar anda boleh mengaitkan nada dering dengan sesuatu kumpulan kenalan dan hantar mesej kepada semua ahli kumpulan. Masukkan *Kenalan* dalam menu utama, pilih *Kumpulan* dan pilih satu kumpulan daripada senarai untuk mengakses opsyen berikut:

<i>Ahli</i>	Lihat ahli kumpulan
<i>Kumpulan</i>	
<i>Namakan Semula</i>	Menukar nama kumpulan.
<i>Nada Peringatan</i>	Menetapkan nada dering kepada kumpulan.

Nombor Dail Perkhidmatan

Fungsi ini adalah bergantung kepada rangkaian. Untuk maklumat terperinci. Sila hubungi pembekal perkhidmatan anda.

Dail Tetap

Menu ini membolehkan anda menetapkan nombor dail tetap anda. Jika anda pilih *FDN*, anda boleh masukkan nombor yang anda lebih suka. Jika anda pilih *Cari*, anda boleh pilih nombor daripada buku telefon.

Tetapan

Ingatan Yang Digunakan

Pilih *Telefon* atau *SIM* sebagai ingatan tetapan.

Salin ke telefon/SIM

Anda boleh menyalin semua yang ada di dalam telefon anda kepada kad SIM anda dan sebaliknya.

1. Masukkan **Kenalan** dalam menu utama, pilih **Tetapan**, kemudian **Salin** dan tekan **OK**.
2. Pilih **Salin ke Telefon** atau **Salin ke SIM**. Tekan **OK** untuk mengesahkan.
3. Bantu ingat pengesahan akan dipaparkan pada skrin. Pilih **Ya** untuk mengesahkan operasi atau pilih **Tidak** untuk membatalkan operasi.

Untuk menyalin beberapa kenalan:

1. Masukkan **Kenalan** dalam mod melahu. Pilih nama kenalan, tekan **Opsyen**.
2. Pilih **Salin**. Ia akan menyalin nama kenalan ke SIM jika sebelum ini disimpan pada telefon dan sebaliknya.

Nombor Saya

Opsyen **Nombor Saya** harus mengandungi nombor telefon anda sendiri. Jika tidak, kami mencadangkan anda masukkan nombor telefon mudah alih anda sendiri dan maklumat lain yang berkaitan.

Walaupun semua medan boleh dikosongkan, anda tidak boleh padam Nombor Saya.

Status Ingatan

Memaparkan jumlah kenalan yang anda boleh simpan dan nombor kenalan yang telah disimpan, di dalam ingatan SIM dan telefon.

5. Mesej



SMS

Menu ini membolehkan anda menghantar mesej teks menggunakan Perkhidmatan Permesejan Pendek (SMS), serta mengendalikan mesej yang anda telah hantar dan terima.

Tulis mesej

Untuk mengarang dan menghantar SMS, pilih **Buat Mesej** dan tekan **OK** dan mula menulis mesej anda. Apabila anda selesai menulis mesej anda, tekan **Opsyen** akses pilihan yang berikutnya:

Hantar	Menghantar mesej
Simpan	Menyimpan mesej dalam folder draf.
Hantar dan Simpan	Menghantar dan menyimpan mesej.
Bahasa	Pilih bahasa input yang anda lebih suka.

Kemudian anda boleh masukkan nombor kenalan anda dan tekan **Cari** untuk memilih kenalan

daripada buku telefon anda. Tekan **OK** untuk mengesahkan.

Apabila anda hantar mesej melalui rangkaian SMS, telefon anda mungkin akan memaparkan Berjaya Dihantar. Ini bermaksud mesej telah dihantar ke pusat SMS yang anda telah tetapkan dalam kad SIM anda. Walau bagaimanapun, ini tidak menandakan yang mesej itu telah dihantar ke destinasiya.

Peti Masuk

Menu ini membolehkan anda membaca mesej SMS yang anda telah terima. Mesej dipaparkan dalam senarai. Anda boleh serlahkan mesej dan tekan **OK** untuk membacanya. Kemudian tekan **Opsyen** untuk mengakses pilihan menu yang berikut:

Balas	Membalas kepada pengirim.
Majukan	Memajukan mesej yang dipilih.
Sunting	Menyunting mesej yang dipilih.
Padam	Memadam mesej yang dipilih.
Padam Semua	Memadam semua mesej dalam Peti Masuk.
Simpan Nombor	Menyimpan nombor pengirim.

Peti Keluar

Apabila anda pilih untuk *Hantar dan Simpan* mesej, mesej yang telah dihantar akan disimpan dalam *Peti Keluar*.

Apabila anda dalam senarai Peti Keluar, pilih mesej dan tekan *OK* untuk membacanya. Kemudian tekan *Opsyen* untuk mengakses pilihan berikut:

- Hantar* Menghantar SMS yang dipilih.
- Majukan* Memajukan mesej yang dipilih.
- Sunting* Menyunting mesej yang dipilih.
- Padam* Memadam mesej yang dipilih.
- Padam semua* Memadam semua mesej dalam Peti Keluar.
- Simpan Nombor* Menyimpan nombor pengirim.

Draf

Menu ini menyenaraikan semua SMS yang anda telah simpan tetapi tidak dihantar. Apabila anda dalam senarai Draf, pilih mesej dan tekan *OK* untuk membacanya. Kemudian tekan *Opsyen* untuk mengakses pilihan berikut:

- Majukan* Memajukan mesej yang dipilih.
- Sunting* Menyunting mesej yang dipilih.
- Padam* Memadam mesej yang dipilih.
- Padam semua* Memadam semua mesej dalam Peti Keluar.

Mel suara

Menu ini membolehkan anda melihat nombor pelayan mel suara dan mendengar mel suara. Apabila anda terima mel suara, pembekal anda akan menghantar mesej ke telefon anda. Telefon tersebut membolehkan anda untuk memasukkan nombor pelayan mel suara. Pembekal perkhidmatan rangkaian akan membekalkan nombor.

Untuk menetapkan nombor pelayan suara, anda boleh pilih *Nombor* untuk memasukkan nombor. Untuk mendengar mel suara, anda boleh pilih *Sambungkan ke Mel Suara*. Untuk memadam mel suara, anda boleh pilih *Padam*.

Jika anda tekan dan tahan kekunci dalam mod melabu, anda boleh mengakses pelayan mel suara anda dengan cepat.

Mesej Penyiaran

Mesej penyiaran sel adalah mesej awam yang menyiarkan kepada kumpulan pengguna telefon mudah alih. Mesej disiarkan pada saluran berkod. Secara umumnya, satu saluran penyiaran boleh menghantar satu jenis mesej. Sila hubungi operator rangkaian anda untuk mendapatkan senarai nombor saluran dan maklumat penyiaran mereka masing-masing.

Mod Terima

Menu ini membolehkan anda menetapkan penerimaan mesej penyiaran. Apabila *Hidup*, anda boleh terima mesej penyiaran. Apabila *Mati*, anda tidak boleh terima mesej penyiaran.

Bahasa

Anda boleh pilih *Semua* atau *Bahasa Lain* untuk berada dalam senarai saluran anda. Jika anda pilih *Bahasa Lain*, anda perlu pilih bahasa yang termasuk dalam senarai anda dan tekan *Opsyen* untuk *Pilih* dan *Simpan*.

Tetapan Mesej

Menu ini membolehkan anda menyesuaikan SMS anda melalui pilihan berikut:

Nombor Pusat SMS

Membolehkan anda menyimpan dan menyunting nombor pusat perkhidmatan SMS bagi rangkaian di tempat anda. Jika nombor pusat perkhidmatan adalah kosong, anda tidak akan boleh menghantar sebarang SMS.

Tempoh sah

Membolehkan anda memilih tempoh yang mana mesej anda akan disimpan di pusat perkhidmatan. Anda boleh pilih antara: *1 jam*, *12 jam*, *1 hari*, *1 minggu* dan *Maksimum*. Ini sangat berguna apabila penerima tidak disambung ke rangkaian (dan dengan itu tidak boleh menerima mesej anda serta-merta.).

Ciri ini adalah bergantung kepada langganan.

Jenis Mesej

Membolehkan anda memilih jenis mesej: *Teks*, *Faks*, dan *E-mel*.

Laporan Penghantaran

Apabila *Hidup*, opsyen ini akan memberitahu anda melalui SMS sama ada penerima anda telah terima SMS anda.

Ciri ini adalah bergantung kepada langganan.

Tempoh Peringatan

Membolehkan anda memilih jangka masa anda akan terima peringatan untuk mesej masuk. Anda boleh pilih antara: *Sekali*, *Setiap 2 Minit*, dan *Mati*.

Ciri ini adalah bergantung kepada langganan.

Templat

Membolehkan anda untuk *Sunting* atau *Majukan* templat tersebut kepada kenalan anda. Pilih templat pada senarai dan tekan *Opsyen* untuk *Sunting* atau *Majukan*.

Status Ingatan

Memaparkan status ingatan mesej yang disimpan dalam kad SIM dan telefon.

6. Maklumat Panggilan



Telefon mudah alih anda boleh menyediakan anda dengan senarai panggilan keluar dan masuk, cubaan dail semula automatik, serta perincian panggilan. Jenis panggilan yang berlainan (*Panggilan masuk*, *Panggilan keluar*, *Panggilan tak dijawab* dan *Tempoh Panggilan*) dipaparkan dalam susunan kronologi dengan panggilan yang terbaru di atas. Jika koresponden disimpan dalam buku telefon anda, nama koresponden dipaparkan.

Panggilan masuk

Menu ini membolehkan anda melihat panggilan terbaru yang diterima.

Panggilan keluar

Menu ini membolehkan anda melihat panggilan terbaru yang didail, termasuk cubaan mendail atau panggilan yang berjaya disambung.

Panggilan tak dijawab

Menu ini membolehkan anda melihat panggilan terbaru yang tak berjawab. Pilih item dan tekan *Opsyen* untuk mengakses pilihan berikut:

<i>Panggil</i>	Panggil kenalan.
<i>Hantar SMS</i>	Hantar mesej kepada kenalan.
<i>Padam</i>	Padam nombor semasa.
<i>Simpan Nombor</i>	Simpan nombor semasa.
<i>Padam semua</i>	Padam semua nombor.
<i>Tunjukkan Nombor</i>	Tunjuk nombor kenalan

Tempoh panggilan

Menu ini membolehkan anda melihat jumlah *Keluar*, *Masuk* dan *Panggilan Terakhir* (dipaparkan dalam jam, minit, saat). Anda boleh tekan untuk *Menetapkan semula* semua penentu masa panggilan.

Bergantung kepada rangkaian anda, penggenap untuk tujuan urusan bil, cukai dll, invoice masa sebenar untuk panggilan dan perkhidmatan oleh pembekal perkhidmatan anda mungkin berbeza-beza.

7. Tetapan



Menu ini membolehkan anda menukar tetapan yang berkaitan dengan setiap pilihan yang terdapat dalam telefon anda.

Tetapan Telefon

Waktu dan Tarikh

Membolehkan anda menetapkan waktu dan tarikh menggunakan pad kekunci atau kekunci navigasi. Tekan  **OK** dan anda boleh tetapkan yang berikut:

Tetapan Tarikh & Waktu Masukkan tarikh/waktu menggunakan pad kekunci.

Format Paparan Tarikh Pilih **Format Tarikh**.

Pemisah Tarikh Pilih format untuk memisahkan hari, bulan dan tahun.

Format Paparan Waktu Pilih sama ada **12 jam** atau **24 jam**.

Bahasa

Membolehkan anda memilih bahasa untuk semua teks menu. Tekan  atau  untuk semak imbas senarai bahasa dan tekan  **OK**.

Mod Jawab

Pilih sama ada **Jawab Biasa** atau **Jawab sebarang kekunci**.

Tetapan Panggilan

Ubah Hala Panggilan

Untuk mengubah hala panggilan ke peti mel anda atau ke sesuatu nombor (sama ada dalam buku telefon anda atau tidak). Anda boleh pilih opsyen antara **Semua Panggilan Suara**, **Jika Sibuk**, **Jika tiada jawapan** atau **Jika berada di luar kawasan liputan**. Apabila anda masukkan setiap pilihan ini, anda boleh pilih untuk **Periksa Status**, **Aktifkan** atau **Nyahaktifkan** perubahan hala panggilan.

Panggilan terhalang

Menu ini membolehkan anda mengehadkan penggunaan telefon anda kepada panggilan tertentu. Ini boleh diguna untuk **Semua Panggilan Keluar**, **Semua Panggilan Antarabangsa**, **Hanya di sini & di kawasan anda**, **Semua Panggilan Masuk**, atau **Panggilan Masuk jika di luar negeri**. Apabila anda

masukkan setiap pilihan ini, anda boleh pilih untuk [Periksa Status](#), [Aktifkan](#) atau [Nyahaktifkan](#) panggilan terhalang. Fungsi ini adalah bergantung kepada rangkaian dan memerlukan kata laluan panggilan tertentu yang dibekalkan oleh pembekal perkhidmatan anda.

Panggilan Menunggu

Ini ialah sejenis perkhidmatan rangkaian. Jika anda pilih untuk [Aktifkan](#) ciri ini, telefon akan memberitahu anda semasa panggilan apabila ada orang lain cuba untuk menghubungi anda. Sebaliknya, jika anda pilih untuk [Nyahaktifkan](#) ciri ini, telefon tidak akan memberitahu anda dan orang yang sedang mendail akan mendengar nada sibuk atau panggilan itu akan diubah hala ke telefon lain (jika telefon anda ditetapkan untuk [Jika Sibuk](#)). Anda juga boleh memilih untuk memeriksa status panggilan menunggu.

Dail semula automatik

Membolehkan telefon anda mendail semula nombor pada jarak waktu secara automatik jika panggilan yang anda buat tidak dijawab. Pilih [Aktifkan/Nyahaktifkan](#) untuk mengaktifkan atau menyahaktifkan fungsi ini.

ID Pemanggil

Membolehkan anda tunjuk [Sembunyikan Nombor](#) atau [Tunjukkan Nombor](#) (yakni nombor telefon anda kepada koresponden anda). Anda juga boleh pilih agar pilihan ini [Ditetapkan oleh Rangkaian](#).

Tetapan Rangkaian

Menu ini membolehkan anda untuk pilih rangkaian perkhidmatan. Pergi ke [Tetapan Rangkaian](#) > [Mod Pilih Rangkaian](#) dan tekan  **OK** untuk mengakses pilihan berikut:

- | | |
|-----------------------------------|---|
| Pilihan Automatik | Telefon anda akan memilih secara automatik dan mendaftar ke rangkaian yang tersedia. |
| Pilihan Manual | Menyediakan anda senarai rangkaian yang tersedia dalam kawasan. Pilih rangkaian yang anda hendak mendaftar dan tekan  untuk mengesahkan. |

Anda boleh pilih rangkaian selain dari rangkaian di tempat anda hanya jika ia mempunyai persetujuan perayauan yang sah dengan rangkaian di tempat anda. Jika anda menukar rangkaian, beberapa masalah mungkin timbul semasa operasi telefon anda.

Tetapan Kilang

Menu ini membolehkan anda untuk mengembalikan telefon anda ke tetapan kilang. Masukkan kod Telefon dan tekan  OK untuk mengesahkan.

Sebaik sahaja anda telah masukkan kata laluan yang betul (sama seperti Kata Laluan Kunci Telefon anda, nilai tetapan ialah 0000), telefon anda akan dikembalikan ke tetapan kilangnya.

8. Sekuriti



Menu ini membolehkan anda mengakses ciri-ciri yang berkaitan dengan sekuriti telefon mudah alih anda dan data yang anda simpan di dalamnya.

PIN SIM

Ini membolehkan anda menetapkan perlindungan PIN dan kod PIN.

Untuk menetapkan perlindungan PIN, pilih *Periksa PIN* dan pilih antara *Hidup* atau *Mati*. Semasa *Hidup*, anda akan diminta memasukkan kod PIN anda apabila anda menghidupkan telefon anda. Anda boleh pilih untuk *Tukar PIN1* dan *Tukar PIN 2* bagi kodnya. Bergantung pada kad SIM anda, beberapa ciri atau opsyen mungkin memerlukan kod rahsia PIN2 yang diberi kepada anda oleh operator anda.

Anda tidak boleh menukar kod PIN anda jika opsyen ini adalah Mati.

Kod PIN tetapan ialah 1234. Jika anda memasukkan kod PIN yang salah sebanyak 3 kali, kad SIM anda akan disekat. Untuk buang sekatannya, minta kod PUK daripada operator atau peruncit anda. Jika anda memasukkan kod PUK yang salah sebanyak 10 kali

berturut-turut, kad SIM akan disekat dan tidak boleh digunakan. Jika ini berlaku, hubungi operator atau peruncit anda.

Telefon Dikunci

Membolehkan anda menetapkan perlindungan telefon untuk mencegah penggunaan telefon anda tanpa kebenaran.

Untuk menetapkan perlindungan telefon, pilih *Telefon Dikunci* dan pilih antara *Hidup* atau *Mati*. Semasa *Hidup*, anda akan diminta untuk memilih *Sahkan bila Kuasa Hidup* atau *Sahkan dengan SIM Baru*. Kemudian, anda akan diminta memasukkan kata laluan kunci telefon.

Kata laluan tetapan bagi kunci telefon ialah 0000.

Kunci Kekunci Auto

Membolehkan anda menetapkan pad kekunci anda *Mati*, atau untuk memilih kunci segera atau tertangguh. Apabila memilih satu daripada opsyen tertangguh (*5 saat*, *10 saat*, *30 saat* atau *60 saat*), dan jika anda buka kunci pad kekunci anda buat sementara dengan menekan kekunci , ia akan dikunci semula secara automatik menurut tempoh penangguhan yang anda pilih.

Dalam semua hal, pad kekunci dibuka kunci secara automatik apabila anda menerima panggilan.

Tukar Kod

Membolehkan anda menukar kata laluan kunci telefon. Anda perlu memasukkan kod telefon lama diikuti dengan kod telefon baru. Kemudian, anda perlu mengesahkan kod telefon baru dengan memasukkan kata laluan sekali lagi. Tekan  OK untuk mengesahkannya.

9. Bunyi



Menu ini membolehkan anda menetapkan deringan panggilan masuk, mesej baru dan seterusnya. Ia juga membolehkan anda menetapkan jenis deringan, kelantangan deringan dan jenis peringatan agar telefon anda sesuai dengan semua keadaan. Pilih *Bunyi* untuk mengakses opsyen berikut:

Tetapan bunyi Membolehkan anda memilih deringan untuk *Panggilan Masuk* dan *pendering Mesej*.

Kelantangan Membolehkan anda menetapkan kelantangan *Panggilan, Nada Dering* dan *Nada Pad Kekunci* ke tahap berbeza.

Jenis deringan Membolehkan anda memilih *Deringan sahaja, Getar sahaja, Penggera* atau *Getar dan Deringan*.

10. Paparan



Paparan Melahu

Anda boleh tetapkan paparan skrin telefon apabila ia dalam mod melahu. Pilih *Paparan Melahu* dan tekan

 *OK* untuk mengakses yang berikut:

Waktu dan Tarikh Pilih untuk *Aktifkan* atau *Nyahaktifkan* jam dan tarikh yang dipaparkan pada skrin melahu.

Teks Melahu Pilih untuk *Aktifkan* atau *Nyahaktifkan* teks dalam skrin melahu. Anda perlu menaip teks jika anda memilih untuk mengaktifkannya.

Hias latar Pilih hias latar yang hendak dipaparkan dalam skrin melahu.

Kontras

Menu ini membolehkan anda menetapkan tahap kontras bagi skrin paparan. Pilih *Kontras* dan tekan  /  untuk melaraskan kontras tahap demi tahap.

Lampu Latar LCD

Menu ini membolehkan anda memilih tempoh lampu latar antara *Sentiasa Hidup*, *5 Saat Hidup*, *15 Saat Hidup*, *30 Saat Hidup*, dan *45 Saat Hidup*.

11. Alatan



Menu ini mengandungi ciri dan opsi yang dibentuk untuk kegunaan peribadi anda.

Penggera

Telefon mudah alih anda mempunyai jam penggera terbina didalamnya. Anda boleh menetapkan sehingga tiga penggera berasingan. Untuk menetapkan penggera, ikut langkah-langkah di bawah.

1. Pilih penggera dan tekan OK.
2. Pilih status dan tempoh: *Mati/Sekali/Isn~Jum/ Setiap hari*.
3. Masukkan waktu.
4. Pilih deringan penggera.
5. Ulang langkah-langkah di atas untuk menetapkan penggera lain.

Jam penggera akan berbunyi walaupun anda mematikan telefon anda. Tekan Tidur sekejap untuk menghentikan deringan buat sementara waktu. Penggera akan berdering lagi kira-kira 3 minit kemudian.

Jika anda ingin mematikan penggera, lakukan langkah 1 dan 2 tetapkan ia kepada Mati.

Kalkulator

Telefon anda mempunyai kalkulator terbina didalamnya yang anda boleh gunakan untuk melakukan pengiraan mudah. Menu ini digunakan terutamanya untuk operasi ringkas seperti menambah, menolak, mendarab dan membahagi.

1. Masukkan angka pertama. Tekan untuk memadam angka.

Anda juga boleh menekan untuk memasukkan titik perpuluhan secara langsung.

2. Guna \uparrow , \downarrow , \rightarrow , \leftarrow untuk memilih *Tambah, Tolak, Darab*, atau *Bahagi*.
3. Masukkan angka kedua.
4. Tekan OK mendapatkan keputusan.

Keputusan dari kalkulator tersebut adalah indikatif. Ketepatan pengiraan adalah sehingga maksimum 8 titik perpuluhan. Keputusan kemudiannya terpenggal selepas digit perpuluhan ke-8 bagi operasi berikutnya.

Kalendar

Membolehkan anda melihat kalendar.

12. Aplikasi STK



Struktur dan nama di bawah menu ini dikonfigurasi oleh operator rangkaian anda dan disimpan dalam kad SIM. Perkhidmatan tersebut berbeza menurut pembekal STK.

Menu ini memberikan perkhidmatan nilai tambah yang berbeza mengikut operator. Sila periksa dengan operator anda untuk maklumat terperinci. Telefon yang menyokong STK mempunyai menu STK tambahan dan kandungan dalam menu tersebut disampaikan seperti mana yang ditakrif oleh kad SIM, yang mana tidak boleh diubah. Opsyen menu boleh berbeza mengikut STK dan mungkin diubah oleh operator rangkaian.

Ikon & simbol

Dalam mod melahu, beberapa simbol boleh dipaparkan serentak pada skrin utama.

Jika simbol rangkaian tidak dipaparkan, rangkaian tersebut tidak tersedia buat masa ini. Anda mungkin dalam kawasan yang liputannya tidak jelas; dengan beralih ke lokasi lain mungkin membantu.



Senyap - Telefon anda tidak akan berdering apabila menerima panggilan.



Mesej SMS - Anda menerima mesej baru.



Mesej suara baru - Anda menerima mesej suara baru.



Kekuatan kuasa bateri - Lebih banyak bar yang anda lihat, lebih banyak kuasa yang tinggal.



Penggera diaktifkan.



Perayauan - Dipaparkan apabila telefon anda didaftarkan dengan rangkaian selain daripada rangkaian anda sendiri (terutamanya apabila anda di seberang laut)



Pad kekunci dikunci diaktifkan.



Panggilan dimajukan - Telefon dalam keadaan panggilan dimajukan.



Kekuatan isyarat - Lebih banyak bar yang ditunjukkan, lebih baik penerimaannya.



Getar - Telefon anda akan bergetar apabila menerima panggilan.



Panggilan tak dijawab - Anda mempunyai panggilan yang tidak dijawab.

Langkah beringat-ingat

Gelombang Radio



Telefon sel mudah alih anda adalah pemancar dan penerima radio kuasa rendah. Apabila ia beroperasi, ia menghantar dan menerima gelombang radio. Gelombang radio membawa suara anda atau isyarat data ke stesen pangkalan yang bersambung ke rangkaian telefon. Rangkaian tersebut mengawal kuasa yang dikeluarkan oleh telefon.

- Telefon anda memancar/menerima gelombang radio dalam frekuensi GSM (900 / 1800 MHz).
- Rangkaian GSM mengawal kuasa pemancaran (0.01 hingga 2 watt).
- Telefon anda mematuhi semua piawai keselamatan yang berkaitan.
- Tanda CE pada telefon anda menunjukkan kepatuhan keserasian elektromagnet Eropah (Ruj. 89/336/EEC) dan perintah voltan rendah (Ruj. 73/23/EEC).

Telefon sel mudah alih anda adalah tanggungjawab anda. Untuk mengelakkan kemudaratan kepada anda, kepada orang lain atau terhadap telefon itu sendiri, baca dan ikut semua arahan keselamatan dan beritahu mengemainya kepada sesiapa yang meminjam telefon

anda. Lagipun, untuk mencegah penggunaan telefon anda tanpa kebenaran:



- Simpan telefon anda di tempat selamat dan jauhkannya daripada kanak-kanak kecil.
- Elakkan daripada mencatat kod PIN anda. Sebaliknya, cuba ingatinya.

Matikan telefon dan tanggalkan bateri jika anda tidak akan menggunakannya untuk jangka masa yang lama. Tukar kod PIN anda selepas membeli telefon dan aktifkan opsyen sekatan panggilan.



Reka bentuk telefon anda mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang diguna pakai. Namun begitu, telefon anda boleh menyebabkan gangguan terhadap peranti elektronik yang lain. Dengan itu, anda harus ikut semua syor dan peraturan tempatan apabila menggunakan telefon anda baik di rumah mahu pun di tempat lain. Peraturan mengenai penggunaan telefon sel dalam kenderaan dan kapal terbang khususnya adalah lebih ketat.

Terdapat kebimbangan awam buat seketika mengenai kemungkinan risiko kesihatan terhadap para pengguna telefon sel. Penyelidikan semasa mengenai teknologi gelombang radio, termasuk teknologi GSM, telah dikaji semula dan piawai keselamatan telah dibuat untuk memastikan perlindungan

daripada pendedahan kepada tenaga gelombang radio. Telefon sel anda **mematuhi semua piawai keselamatan yang diguna pakai** dan Perintah Kelengkapan Radio dan Kelengkapan Terminal Telekomunikasi 1999/5/EC.

Sentiasa matikan telefon anda...

Kelengkapan elektronik yang sensitif atau dilindungi secukupnya mungkin terjejas oleh tenaga radio. Gangguan ini boleh menyebabkan kemalangan.



Sebelum menaiki **kapal terbang** dan/atau apabila menyimpan telefon dalam bagasi anda: penggunaan telefon mudah alih dalam kapal terbang mungkin berbahaya bagi pengendalian kapal terbang, mengganggu rangkaian telefon mudah alih dan mungkin menyalahi undang-undang.



Dalam **hospital**, klinik, pusat penjagaan kesihatan yang lain dan di mana-mana sahaja anda mungkin berdekatan dengan **kelengkapan perubatan**.



Di kawasan yang berkemungkinan ada **keadaan mudah meletup** (spt. stesen minyak dan juga kawasan di mana udaranya mengandungi zarah habuk, seperti serbuk logam).

Dalam kenderaan yang membawa produk mudah bakar (walaupun kenderaan tersebut diletakkan) atau kenderaan yang menggunakan kuasa gas petroleum cecair (LPG), periksa terlebih dahulu sekiranya kenderaan mematuhi peraturan keselamatan yang diguna pakai.

Dalam kawasan di mana anda diminta mematikan peranti pemancaran radio, seperti kuari atau kawasan lain yang mana operasi peletupan sedang dijalankan.



Periksa dengan pengilang kenderaan sama ada **kelengkapan elektronik** yang digunakan dalam kenderaan anda tidak akan terjejas oleh tenaga radio.

Penentu Rentak

Sekiranya anda mempunyai **penentu rentak**:

- Sentiasa jauhkan telefon lebih daripada 15 sm daripada penentu rentak anda apabila telefon dihidupkan, agar dapat mengelakkan kemungkinan gangguan.
- Jangan bawa telefon dalam poket dada.
- Gunakan telinga yang bertentangan dengan penentu rentak untuk meminimumkan kemungkinan gangguan.
- Matikan telefon anda jika anda mengesyaki bahawa gangguan berlaku.

Alat bantu pendengaran

Jika anda adalah pengguna alat bantu pendengaran, rujuk dengan doktor anda dan pengilang alat bantu pendengaran untuk mengetahui sama ada alat anda itu mudah kena gangguan telefon sel.

Memperbaiki prestasi

Agar dapat meningkatkan prestasi telefon anda, kurangkan pemancaran tenaga radio, kurangkan penggunaan bateri dan pastikan pengendalian selamat yang mematuhi garis panduan berikut:



Untuk pengendalian telefon anda yang optimum dan memuaskan hati, anda disyorkan agar menggunakan telefon dalam kedudukan operasi yang biasa (apabila tidak menggunakan dalam mod bebas tangan atau dengan aksesori bebas tangan).

- Jangan dedahkan telefon anda kepada suhu yang melampau.
- Jaga telefon dengan baik. Sebarang salah guna akan membatalkan Jaminan Antarabangsa.
- Jangan rendam telefon dalam sebarang cecair; jika telefon anda lembap, matikannya, buang bateri dan biarkannya kering selama 24 jam sebelum menggunakannya semula.

- Untuk membersihkan telefon, lap ia dengan kain lembut.
- Membuat dan menerima panggilan mengguna jumlah tenaga bateri yang sama. Namun begitu, telefon mudah alih menggunakan kurang tenaga dalam skrin melahu apabila disimpan di tempat yang sama. Semasa dalam skrin melahu dan apabila anda bergerak, telefon anda menggunakan tenaga untuk memancarkan maklumat lokasi yang dikemas kini kepada rangkaian. Menetapkan lampu latar kepada tempoh waktu yang lebih pendek serta mengelakkan navigasi yang tidak perlu dalam menu boleh juga membantu menjimatkan tenaga bateri untuk prestasi menelefon dan bersedia yang lebih lama.

Maklumat bateri

- Telefon anda dikuasakan oleh bateri boleh cas semula.
- Guna pengecas yang khusus sahaja.
- Jangan bakar.
- Jangan mencacati atau buka bateri.
- Jangan biarkan objek logam (seperti kunci dalam poket anda) bagi litar pintas sentuhan bateri.
- Elakkan dedahan kepada haba yang melampau (>60° C atau 140° F), persekitaran lembap atau kaustik.



Anda harus gunakan Aksesori Tulen Philips sahaja, kerana penggunaan aksesori lain boleh merosakkan telefon anda dan akan menyebabkan segala jaminan untuk telefon Philips anda batal dan tak sah.

Pastikan bahagian yang rosak diganti dengan segera oleh juruteknik bertauliah dan ia digantikan dengan alat ganti Philips yang tulen.

Telefon mudah alih anda dan kenderaan anda



Kajian menunjukkan bahawa berbual menggunakan telefon semasa memandu mengurangkan daya tumpuan anda, yang menimbulkan bahaya. Patuhi garis panduan

berikut:

- Beri perhatian penuh terhadap pemanduan. Berhentikan kenderaan dan letakkannya sebelum menggunakan telefon.
- Hormati peraturan tempatan dalam negara tempat anda memandu dan guna telefon GSM anda.
- Jika anda ingin menggunakan telefon anda dalam kenderaan, pasang kit bebas tangan untuk kenderaan yang direka bentuk khusus untuk tujuan tersebut.

- Pastikan telefon dan kit kenderaan anda tidak menghalang beg udara atau peranti keselamatan lain yang dipasang pada kenderaan anda.

Penggunaan sistem penggera untuk mengendalikan lampu atau hon kenderaan untuk menunjukkan ada panggilan telefon masuk adalah dilarang pada jalan-jalan awam di beberapa negara. Periksa peraturan tempatan.

Norma EN 60950

Dalam cuaca panas atau pendedahan yang berlanjutan kepada matahari (spt. di belakang tingkap atau cermin hadapan), suhu bingkai pelindung telefon anda mungkin meningkat, terutamanya apabila berciri keemasan metalik. Berhati-hati dalam keadaan ini apabila menjawab telefon anda dan juga elakkan daripada menggunakannya dengan suhu persekitaran melebihi 40° C atau bawah 5° C. Untuk telefon anda, soket outlet harus dipasang berdekatan telefon dan harus mudah dicapai.

Penjagaan persekitaran



Jangan lupa untuk mematuhi peraturan tempatan mengenai pembuangan bahan pembungkusan, bateri yang telah habis kuasanya dan telefon lama dan sila galakkan agar ia dikitar semula.

Philips telah menandakan bateri dan pembungkusan dengan simbol piawai yang dibentuk untuk menggalakkan kitar semula dan pembuangan yang wajar bagi bahan yang menjadi sisa akhirnya.



Bahan pembungkusan yang dilabelkan boleh dikitar semula.



Sumbangan kewangan telah dibuat kepada sistem pemulihan dan kitar semula kebangsaan yang berkaitan.



Bahan plastik boleh dikitar semula (juga kenal pasti jenis plastik).

Tanda WEEE dalam DFU: “Maklumat kepada Pengguna”

Pembuangan produk lama anda.

Produk anda dibentuk dan dikilangkan dengan bahan dan komponen berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula dan digunakan kembali.



Apabila simbol tong sampah beroda berpaling dilekatkan pada sesuatu produk, ia bermaksud produk tersebut dilindungi oleh Perintah 2002/96/EC Eropah.



Sila ambil tahu mengenai sistem pengumpulan berasingan tempatan untuk produk elektrik dan elektronik.

Sila lakukan mengikut peraturan tempatan anda dan jangan buang produk lama anda bersama sisa isi rumah yang biasa. Pembuangan yang betul bagi produk lama anda akan membantu mencegah kemungkinan akibat negatif bagi kesihatan persekitaran dan manusia.

Menyelesai Masalah

Telefon tidak dapat dihidupkan.

Keluarkan/pasang semula bateri. Kemudian, cas semula telefon sehingga ikon bateri berhenti menatal. Cabut palam daripada pengecas dan cuba hidupkan semula telefon.

Telefon tidak kembali ke skrin melahu

Tekan lama kekunci tamatkan panggilan atau matikan telefon, periksa sama ada kad SIM dan bateri dipasang dengan betul dan hidupkan ia sekali lagi.

Simbol rangkaian tidak dipaparkan.

Sambungan rangkaian hilang. Sama ada anda dalam bayangan radio (dalam terowong atau antara bangunan tinggi) atau anda berada di luar kawasan liputan rangkaian. Cuba daripada tempat lain, cuba sambung semula rangkaian (terutamanya apabila di seberang laut), periksa sama ada antena ada di tempatnya jika telefon mudah alih anda mempunyai antena luaran, atau hubungi operator rangkaian anda untuk bantuan/maklumat.

Paparan tidak memberi respons (atau paparan lambat memberi respons) kepada tekanan kekunci

Paparan memberi respons lebih perlahan pada suhu yang amat rendah. Ini adalah biasa dan tidak menjejaskan operasi telefon tersebut. Bawa telefon ke tempat yang lebih panas dan cuba lagi. Jika sebab lain, sila hubungi pembekal telefon anda.

Bateri anda nampaknya terlebih panas

Anda mungkin menggunakan pengecas yang bukan dikhaskan untuk telefon anda. Pastikan anda sentiasa mengguna aksesori tulen Philips yang dikirimkan bersama telefon anda.

Telefon anda tidak memaparkan nombor telefon untuk panggilan masuk

Ciri ini adalah bergantung pada rangkaian dan langganan. Jika rangkaian tidak menghantar nombor telefon, nombor telefon akan memaparkan [Panggilan /](#) ataupun [Ditahan](#). Hubungi operator anda untuk maklumat terperinci mengenai perkara ini.

Anda tidak boleh menghantar mesej teks.

Sesetengah rangkaian tidak membenarkan pertukaran mesej dengan rangkaian lain. Mula-mula, periksa jika anda memasukkan nombor pusat SMS anda, atau hubungi operator anda untuk maklumat terperinci mengenai perkara ini.

Anda rasa anda telah terlepas beberapa panggilan

Periksa opsyen ubah hala panggilan anda.

Paparan menunjukkan MASUKKAN SIM

Periksa jika kad SIM telah dimasukkan dalam kedudukan yang betul. Jika masalah berterusan, kad SIM anda mungkin telah rosak. Hubungi operator anda.

Apabila cuba menggunakan ciri dalam menu, telefon mudah alih memaparkan TIDAK DIBENARKAN

Beberapa ciri adalah bergantung pada rangkaian. Ia cuma tersedia, dengan itu, jika rangkaian atau langganan anda menyokongnya. Hubungi operator anda untuk maklumat terperinci mengenai perkara ini.

Telefon anda tidak dicas

Bateri anda telah habis sepenuhnya, ia mungkin mengambil masa beberapa minit mengecas (sehingga 5 minit dalam beberapa hal) sebelum ikon pengecasan dipaparkan

Aksesori Tulen Philips

Sesetengah aksesori, seperti bateri dan pengecas, disertakan sebagai standard dalam pakej telefon mudah alih anda. Aksesori tambahan mungkin diberi atau dijual secara berasingan. Dengan itu, kandungan pakej mungkin berbeza.

Untuk memaksimumkan prestasi telefon mudah alih Philips anda dan agar tidak membatalkan waranti, sentiasa beli Aksesori Tulen Philips yang direka bentuk khusus untuk kegunaan dengan telefon anda. Philips Consumer Electronics tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi sebarang kerosakan disebabkan oleh penggunaan dengan aksesori tidak dibenarkan.

Pengecas

Cas bateri ada pada sebarang outlet AC. Cukup kecil untuk dibawa dalam beg bimbit/beg tangan.

Set kepala

Telefon anda akan mengaktifkan mod set kepala secara automatik apabila anda memasang fon telinga. Anda juga boleh pilih opsyen "automatik" dalam mod menjawab. Jika status opsyen ini adalah "hidup", telefon anda akan menjawab panggilan masuk secara automatik dalam 5 hingga 10 saat.

Pengakuan Tanda Dagangan



Tegic Euro. Pat.
App. 0842463

T9® adalah tanda dagangan
Tegic Communications Inc.

Maklumat SAR - Antarabangsa (ICNIRP)

TELEFON INI MEMENUHI SYOR ANTARABANGSA UNTUK PENDEDAHAN KEPADA GELOMBANG RADIO

Telefon mudah alih anda adalah pemancar dan penerima radio. Ia dibentuk dan dikilangkan agar tidak melebihi had dedahan untuk tenaga frekuensi radio (RF) yang ditakrifkan oleh piawai antarabangsa. Syor ini telah diwujudkan oleh Suruhanjaya Antarabangsa bagi Perlindungan Sinaran Bukan Pengion (ICNIRP) dan, Institut Jurutera Elektrik dan Elektronik – Persatuan Piawai (IEEE-SA) yang meramalkan margin keselamatan yang ketara bagi menjamin perlindungan semua orang, tanpa mengira usia dan tahap kesihatan.

Syor pendedahan untuk telefon mudah alih menggunakan unit ukuran yang diketahui sebagai Kadar Penyerapan Khusus (SAR) Had SAR yang disyorkan oleh ICNIRP untuk telefon mudah alih yang digunakan oleh orang awam adalah 2.0 W/kg dalam 10g tisu dan, adalah 1,6W/kg dalam 1g tisu oleh IEEE-SA (IEEE Std 1528) untuk kepala.

Ujian untuk SAR telah dijalankan menggunakan kedudukan pengendalian yang disyorkan dengan telefon mudah alih memancar pada tahap kuasanya yang disahkan tertinggi dalam semua jalur frekuensi yang diuji. Walaupun SAR ditentukan pada tahap kuasanya yang disahkan tertinggi, tahap SAR yang sebenar bagi telefon mudah alih semasa pengendalian adalah umumnya di bawah nilai maksimum SAR.

Ini adalah kerana telefon direka bentuk untuk beroperasi pada tahap kuasa berbilang agar hanya menggunakan kuasa yang diperlukan untuk mencapai rangkaian. Secara umum, lebih dekat anda dengan antena stesen pangkalan, lebih rendah output kuasa.

Manakala mungkin terdapat perbezaan antara tahap SAR bagi berbagai-bagai telefon dan pada pelbagai kedudukan, kesemuanya memenuhi piawai perlindungan antarabangsa bagi pendedahan kepada gelombang radio.

Nilai SAR tertinggi untuk Philips 192 ini apabila diuji untuk pematuhan terhadap piawai adalah 0,934 W/kg untuk syor ICNIRP dan 1,42 W/kg untuk IEEE Std 1528.

Untuk menghadkan tahap pendedahan gelombang radio, adalah disyorkan untuk mengurangkan tempoh panggilan telefon mudah alih atau menggunakan set kepala. Tujuan langkah berjaga-jaga itu adalah untuk menjauhkan telefon mudah alih daripada kepala dan badan.

Waranti terhad

1. Apakah Yang Dirangkumi Oleh Waranti Terhad Ini?

Philips memberi waranti kepada pembeli runcit asal (“Pegguna” atau “Anda”) bahawa produk selular Philips ini dan segala aksesori asal yang diberi oleh Philips dalam pakej jualan (“Produk”) adalah bebas daripada kecacatan bahan, reka bentuk dan buatan di bawah penggunaan biasa menurut arahan pengendalian dan mengikut terma dan syarat berikut. Waranti terhad ini hanya merangkumi Pengguna bagi Produk yang dibeli dan digunakan dalam negara asal pembelian. Waranti terhad ini hanya sah dalam negara yang dikhususkan oleh Philips bagi jualan produk tersebut.

2. Berapa Lamakah Tempoh Waranti Terhad?

Tempoh waranti terhad untuk Produk tersebut berlanjutan untuk SATU (1) TAHUN daripada tarikh pembelian Produk, didokumenkan oleh bukti pembelian yang sah. Waranti terhad bagi bateri boleh cas semula Philips yang asal dilanjutkan untuk enam (6) bulan daripada tarikh pembelian.

3. Apakah Yang Akan Dilakukan Oleh Philips jika Produk adalah Tidak Bebas Daripada Kecacatan Bahan dan Buatan Semasa Tempoh Waranti Terhad?

Semasa tempoh waranti terhad, Philips atau wakil servis sahnya akan, menurut pilihannya sama ada membaiki atau mengganti, tanpa dikenakan caj bagi alat atau guna tenaga, Produk yang cacat dari segi bahan dengan alat atau Produk yang baru atau diperbaiki dan mengembalikan Produk yang diperbaiki atau diganti itu kepada Pengguna dalam keadaan berfungsi. Philips akan menyimpan alat, modul atau kelengkapan yang rosak.

Produk yang diperbaiki atau diganti akan dirangkumi oleh waranti terhad ini untuk baki tempoh waranti terhad yang asal atau sembilan puluh (90) hari daripada tarikh perbaikian atau penggantian, yang mana lebih lama. Perbaikan atau penggantian Produk, atas pilihan Philips adalah eksklusif untuk anda.

4. Apakah yang Tidak Dirangkumi Oleh Waranti Terhadap Ini?

Waranti terhadap ini tidak merangkumi:

- a) Produk yang mengalami salah guna, kemalangan, pengiraman atau kerosakan fizikal yang lain, pemasangan tidak betul, pengendalian operasi luar biasa, kelalaian, banjir, api, air atau gangguan cecair yang lain; atau
- b) Produk yang telah rosak disebabkan oleh perbaikan, pengubahan, atau pengubahsuaian oleh sesiapa yang tidak dibenarkan oleh Philips; atau
- c) Produk yang mempunyai masalah penerimaan atau operasi disebabkan oleh keadaan isyarat, kebolehpercayaan rangkaian atau sistem kabel atau antena; atau
- d) Kerosakan atau masalah produk disebabkan oleh penggunaan dengan produk atau aksesori bukan Philips; atau
- e) Produk yang pelekat waranti/kualiti, nombor siri produk atau nombor siri elektronik telah ditanggalkan, diubah atau menjadi sukar dibaca; atau
- f) Produk yang dibeli, diguna, diservis, atau dikirimkan untuk perbaikan daripada luar,

negara asal pembelian, atau digunakan untuk tujuan komersil atau institusi (termasuk tetapi tidak terhad kepada Produk yang digunakan untuk tujuan penyewaan); atau

- g) Produk yang dikembalikan tanpa bukti pembelian yang sah atau yang mana bukti pembelian telah diubah atau sukar dibaca.
- h) Haus dan lusuh biasa atau Force Majeure.

5. Bagaimana Hendak Mendapatkan Servis Waranti?

- a) Kembalikan Produk kepada pusat servis Philips yang sah. Anda boleh hubungi pejabat Philips tempatan untuk mengetahui lokasi pusat servis sah yang berdekatan.
- b) Kad SIM mesti dikeluarkan daripada Produk sebelum ia diberi kepada Philips. Philips tidak bertanggungjawab terhadap kerosakan atau kehilangan kad SIM atau data yang terkandung di dalamnya.
- c) Jika kerosakan Produk tidak dirangkumi oleh waranti terhadap ini, atau waranti terhadap ini tidak berkenaan, batal atau tidak sah disebabkan oleh terma dan syarat yang dinyatakan di sini, Pengguna akan dikenakan bayaran bagi kos memperbaiki atau mengganti Produk dan segala kos berkaitan lain yang dikenakan dalam perbaikan atau penggantian Produk.

- d) PENTING - anda diminta mengembalikan Produk bersama dengan bukti pembelian yang sah yang harus mengenal pasti titik pembelian, tarikh pembelian, model Produk dan nombor siri Produk dengan jelas.
6. Pembatasan Lain: Waranti ini adalah Keseluruhan Perjanjian.

MELAINKAN UNTUK MENYATAKAN WARANTI YANG DINYATAKAN DI ATAS DAN YANG DINYATAKAN OEH UNDANG-UNDANG DAN YANG TIDAK BOLEH DIKELUARKAN ATAU DIUBAH SUAI OLEH PERJANJIAN, PHILIPS TIDAK MENYEDIAKAN WARANTI LAIN SAMA ADA MENYATAKAN ATAU DINYATAKAN (SAMA ADA OLEH STATUT, DI BAWAH OPERASI UNDANG-UNDANG ATAU SELAIN ITU) DAN MENAFIKAN SECARA KHUSUS SEBARANG WARANTI BAGI KEBOLEHDAGANGAN KUALITI YANG MEMUASKAN ATAU KESESUAIAN BAGI TUJUAN TERTENTU.

LIABILITI PENUH PHILIPS UNTUK KEROSAKAN YANG BERKAITAN DENGAN ATAU TIMBUL DARIPADA

PEMBELIAN ATAU PENGGUNAAN PERODUK, TANPA MENGIRA JENIS ATAU PUNCA KEROSAKAN SEDEMIKIAN ATAU BENTUK ATAU PENCIRIAN TUNTUTAN YANG DIBUAT (SPT. KONTRAK ATAU TOPIT), TIDAK HARUS MELEBIHI HARGA BELIAN ASAL UNTUK PRODUK TERSEBUT.

NAMUN BEGITU, PHILIPS SEKALI-KALI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB BAGI SEBARANG PUNITIF, KHAS, SAMPINGAN, TIDAK LANGSUNG ATAU KEROSAKAN LANJUTAN (TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA PENGGUNAAN, KERUGIAN MASA, KESULITAN, KERUGIAN KOMERSIL, KERUGIAN UNTUNG, KEHILANGAN PELUANG PERNIAGAAN, KOS PENGGANTIAN BARANG ATAU SERVIS, PELABURAN, KEROSAKAN NAMA BAIK ATAU REPUTASI, ATAU KEHILANGAN DATA DAN TUNTUTAN OLEH PIHAK KETIGA) AKIBAT DARI PEMBELIAN ATAU PENGGUNAAN PRODUK, SEHINGGA KE TAHAP SEPENUHNYA YANG DIBENARKAN OLEH

UNDANG-UNDANG, SAMA ADA PHILIPS
TELAH DINASIHATKAN ATAUPUN TIDAK
MENGENAI KEMUNGKINAN KEROSAKAN
SEDEMIKIAN. PEMBATAAN INI
DIKENAKAN MESKIPUN TERDAPAT
KEGAGALAN TUJUAN ASAS BAGI
SEBARANG PEMULIHAN TERHAD.

Waranti terhad ini mewakili perjanjian penuh dan eksklusif antara Pengguna dan Philips berkenaan dengan Produk selular ini dan ia menggantikan semua perjanjian terdahulu antara pihak-pihak tersebut, secara lisan atau bertulis, dan semua komunikasi lain antara pihak-pihak tersebut berkaitan dengan kandungan waranti terhad ini. Tiada satu pun antara pembawa, peruncit, ejen, wakil, pekerjanya, atau pekerja Philips dibenarkan untuk mengubah suai waranti terhad ini dan anda tidak harus bergantung pada sebarang gambaran sedemikian.

Waranti terhad ini tidak menjejaskan hak Pengguna mengikut undang-undang di bawah undang-undang kebangsaan diguna pakai yang dikenakan.

Pengakuan keakuran

Kami,
Shenzhen Sang Fei Consumer
Communications Co., Ltd.
11 Science and Technology Road,
Shenzhen Hi-tech Industrial Park,
Nanshan District, Shenzhen 518057,
China.

mengaku di bawah satu-satunya tanggungjawab kami
bahawa produk

CT 0192

Cellular Mobile Radio GSM 900/1800

TAC: 35933401

yang pengakuan ini berkaitan, adalah sesuai dengan
Piawai berikut:

EN 60950-1, EN 50360 dan EN 50361

EN 301 489-01 V1.6.1 dan

EN 301 489-07 V1.3.1


EN 301 511 v 9.0.2

Kami dengan ini mengakui semua set ujian radio yang
perlu telah dijalankan dan bahawa produk yang
disebutkan di atas adalah sesuai dengan semua
keperluan yang perlu bagi Perintah 1999/5/EC.

Prosedur penilaian keakuran yang dirujuk dalam
Artikel 10 dan diperincikan dalam Lampiran V dari
Perintah 1999/ 5/EC telah dipatuhi berkaitan dengan
artikel 3.1 dan 3.2 dengan penglibatan MET
Laboratories, Inc. 914 WEST PATAPSCO
AVENUE, BALTIMORE berikut! MARYLAND
21230-3432.

Tanda pengenalan: **0980**

24 September, 2007



Pengurus Kualiti